

KONSEP DAN PENUBUHAN PUSAT KEHIDUPAN BERDIKARI DI MALAYSIA: SUATU SOROTAN AWAL

Mohamad Muzammil Mohamad Noor

Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh
Universiti Sains Malaysia
Pulau Pinang

Abstract

The purpose of writing this paper is to explain the establishment, objectives, role, and concept of the Independent Living Centre (ILC) service programme in Malaysia. The ILC service programme is a special programme introduced by the Malaysian Government to the Persons with Disabilities (PWDs) community as a basis for independent life. Japan's ILC services inspired this programme, and then JICA Malaysia implemented the model to benefit, empower, and develop the disabled community life. Since its establishment, ILC has been under the supervision of the Department of Social Welfare, an agency under the Ministry of Women, Family, and Community Development. Since its introduction in 2019, this programme has operated in seven locations. This article uses a qualitative approach through library methods, websites, and interviews. The findings illustrate that the ILC service programme in Malaysia is effective in strengthening social relationships between the disabled community and the community as well as being a first step for the disabled community to train themselves to start an independent living, emancipating them from their family, caregivers, and institutional restraints.

Keywords: Persons with Disabilities (PWD), Independent Living Centre (ILC), disabled community, social life, empowerment.

Abstrak

Tujuan penulisan makalah ini adalah untuk menjelaskan penubuhan, objektif, peranan dan konsep program perkhidmatan Pusat Kehidupan Berdikari atau *Independent Living Centre* (ILC) di Malaysia. Program perkhidmatan ILC merupakan sebuah program khusus yang diperkenalkan oleh Kerajaan Malaysia kepada golongan orang kurang upaya (OKU) sebagai asas untuk memulakan kehidupan berdikari. Program perkhidmatan ini di Malaysia menjadikan perkhidmatan ILC dari negara Jepun melalui JICA sebagai model pelaksanaan untuk dimanfaatkan kepada komuniti dalam usaha memperkasakan dan membangunkan kehidupan sosial mereka. Sejak ditubuhkan, ILC diselia di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat iaitu sebuah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat. Sejak diperkenalkan pada tahun 2019, program

¹Penulis Koresponden: muzammil@usm.my/pfm7615@gmail.com

perkhidmatan ini telah beroperasi di tujuh lokasi. Penulisan ini hanya menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah kepustakaan, laman sesawang dan temu bual yang dijalankan. Hasil dapatan yang diperolehi mendapati bahawa program perkhidmatan ILC di Malaysia memberi keberkesanan dalam mengukuhkan hubungan sosial antara komuniti OKU dengan masyarakat serta sebagai satu langkah pertama kepada komuniti OKU agar dapat memahirkan diri untuk memulakan kehidupan berdikari daripada kongkongan ruang lingkup keluarga, penjaga dan institusi.

Kata kunci: Orang kurang upaya (OKU), Pusat Kehidupan Berdikari (ILC), komuniti OKU, kehidupan sosial, memperkasakan

PENDAHULUAN

Program perkhidmatan Pusat Kehidupan Berdikari (*Independent Living Centre*) (ILC) merupakan sebuah pusat yang menawarkan perkhidmatan asas untuk memperkasakan golongan OKU di Malaysia. Perkhidmatan ini memberi tumpuan kepada aspek penentuan matlamat sendiri dan kemahiran kehidupan berdikari supaya golongan OKU lebih bersedia untuk memulakan kehidupan seharian. Berdasarkan hal ini, golongan OKU memiliki tanggungjawab sepenuhnya ke atas diri sendiri dan mereka diberi penghormatan sebagai individu dalam masyarakat di negara ini. Program perkhidmatan dalam ILC menawarkan perkhidmatan kepada golongan OKU terutamanya yang tinggal berhampiran dan dalam kalangan mereka sendiri termasuk yang mengalami kurang upaya tahap teruk atau *severe impairment*. Ia turut menyasarkan kumpulan yang ingin memulakan kehidupan secara berdikari yang telah lama berada dalam sesebuah institusi kekeluargaan. Di Malaysia, program perkhidmatan ILC kepada golongan OKU masih baharu diperkenalkan; iaitu pada bulan September 2019 di sekitar Lembah Klang.

ULASAN LITERATUR

Golongan OKU merupakan masyarakat Malaysia yang sedang diberi perhatian daripada pelbagai pihak termasuk kerajaan Malaysia. Hal ini disebabkan golongan ini mempunyai kesaksamaan hak untuk menjalani kehidupan seperti anggota masyarakat yang lain. Kajian berkaitan golongan OKU berasaskan kepada pertembungan model perubatan dan model sosial (Oliver & Barnes, 2012; Shakespeare, 2018). Model perubatan merujuk pada sudut pandang golongan ini sebagai individu yang perlu dirawat dan dipulihkan oleh pakar perubatan dan kesihatan. Golongan OKU dianggap sebagai individu yang mengalami masalah pergerakan dan interaksi sesama manusia yang harus dirawat sebagai pesakit biasa (Ikmal & Khairi, 2018). Sebaliknya, berbeza dengan model sosial yang mengemukakan perspektif bahawa golongan OKU didiskriminasikan oleh masyarakat. Situasi demikian telah memberi kesan negatif kepada golongan ini untuk berinteraksi. Dengan kewujudan

Konvensyen Antarabangsa Mengenai Hak-Hak OKU, pendekatan berasaskan hak dan perlindungan harus dipraktikkan bagi menjamin kesempurnaan golongan OKU untuk menikmati kehidupan seperti orang normal. Seperti dijelaskan bahawa golongan ini merupakan sebahagian daripada masyarakat tempatan, mereka mempunyai hak yang sama dengan masyarakat normal untuk menjalankan tanggung jawab sebagai rakyat Malaysia (Ikmal & Khairi, 2018).

Dalam penulisan Mohamad Muzammil (2011; 2018), kekangan yang membataskan kehidupan golongan OKU untuk mendapatkan pekerjaan adalah keadaan fasiliti bangunan dan pengangkutan awam yang 'tidak mesra OKU'. Berdasarkan kenyataan beliau itu, pihak yang bertanggung jawab iaitu kerajaan dan pihak berkuasa tempatan harus bertindak menyelesaikan 'masalah utama' yang dihadapi mereka itu (Muzammil, 2011). Muzammil mengelaskan kategori golongan OKU kepada:

- i) Tahap kecacatan seperti fizikal orang normal: kecacatan yang kurang teruk,
- ii) Tahap kecacatan sederhana: mampu berdikari tapi dengan bantuan orang dan,
- iii) Tahap kecacatan teruk: Tidak dapat berdikari dan sangat perlukan bantuan orang.

Tahap kecacatan ini diperjelaskan melalui Rajah dan Jadual 1.

Karya berkaitan program perkhidmatan ILC yang dihasilkan oleh penulis tempatan belum dihasilkan. Kewujudan pengasasan program perkhidmatan ini hanya didapati daripada laporan media massa tempatan. Sebaliknya pula, di luar negara, penulisan tentang program perkhidmatan ILC ditemui dalam laman sesawang yang menyediakan program perkhidmatan ini bersama-sama iklan penjualan peralatan bantuan kepada golongan ini. Negara Jepun dikatakan negara pertama yang memulakan program perkhidmatan ILC untuk golongan OKU di Asia. Kerajaan Jepun dan badan bukan kerajaannya memperuntukkan sejumlah kewangan yang tinggi bagi memberi fasiliti yang khusus untuk menjayakan program kehidupan berdikari, termasuk membangunkan program perkhidmatan ILC di negara itu. Agensi kerajaan dan bukan kerajaan di sana memperkenalkan program perkhidmatan ini menerusi Japan International Cooperation Agency (JICA), Asia Disability Institution (ADI), Japan Human Care Association (JHCA), Japan Human Care Service Association (NAGOYA Care School Course), Japanese Society for Rehabilitation of Persons with Disabilities (JSRPD). Seorang individu berbangsa Jepun, Shoji Nakanishi berperanan memperkenalkan program perkhidmatan ini dan idea serta konsep beliau itu melepasi hingga peringkat Asia dan Eropah.

Rajah 1 Klasifikasi Tahap Kecacatan di Malaysia



Jadual 1 Klasifikasi, Kategori dan Contoh Tahap Kecacatan di Malaysia

Klasifikasi Tahap Kecacatan	Kategori OKU oleh JKM	Contoh
Tahap kecacatan seperti fizikal orang normal	OKU Pendengaran OKU Pertuturan OKU Pembelajaran OKU Mental	Menjalani kehidupan berdikari. Bentuk fizikal seperti orang normal.
Tahap kecacatan sederhana	OKU Fizikal OKU Penglihatan	Menjalani kehidupan berdikari dengan alat sokongan.
Tahap kecacatan teruk	OKU Pelbagai serta mereka yang terlantar sakit	Tidak berdikari. Perlu bantuan. Perlu alat sokongan.

Pengenalan program perkhidmatan ILC di Jepun telah bermula pada tahun 1986 melalui sebuah persatuan OKU yang dikenali sebagai *Wakakoma* dengan mengasaskan *Human Care Association* (HCA). HCA merupakan pusat golongan OKU bebas berskala besar yang pertama di negara itu. Ia berperanan memberi bantuan dan menyokong kehidupan golongan setempat OKU di sebuah tempat bernama Hachioji, Jepun (<http://www.humancare1986.jp/english.html>). Antara aktiviti yang dilakukan oleh HCA ialah kaunseling rakan sebaya, hidup berdikari serta advokasi. Seterusnya, dalam tahun 1991, HCA mengasaskan *Japan Council on Independent Living Centres* (JCILC) yang bertujuan untuk penyebaran program kaunseling rakan sebaya dan hidup bebas serta penubuhan sistem perkhidmatan bantuan peribadi di Hachioji. Agensi bebas itu wujud daripada golongan normal serta golongan OKU daripada pelbagai kategori kecacatan. JCILC ini menghantar sukarelawan dan

golongan OKU mereka bagi menerima pendedahan dan latihan berkaitan program perkhidmatan ini, misalnya di Amerika Syarikat sebagai satu aktiviti pertukaran ilmu.

Penglibatan Nakanishi dalam program hidup berdikari kepada golongan OKU memberi idea pengenalan program perkhidmatan ILC ke seluruh Asia. Pada tahun 2006 Nakanishi telah membawa idea hingga membentuk sebuah pertubuhan gerakan OKU, yang dikenali sebagai *Independent Living Movements in Asia: Its Achievements and Future* (<https://www.independentliving.org/25years2008nakanishi>). Idea-idea Nakanishi turut membentuk model berkaitan program perkhidmatan ILC seperti berikut (<https://www.independentliving.org/25years2008nakanishi>):

- i. Peralihan daripada model perubatan kepada model sosial ketidakupayaan;
- ii. Penyertaan golongan OKU ke dalam proses penggubalan dasar berkaitan hak-hak dan keperluan golongan OKU;
- iii. Penambahbaikan kebolehcapaian kepada pengangkutan;
- iv. Merealisasikan perkhidmatan bantuan peribadi 24 jam;
- v. Kehidupan golongan OKU yang teruk dalam masyarakat telah direalisasikan dengan bantuan pembantu peribadi (PA);
- vi. Dasar negara memperkasakan institusi kehidupan bermasyarakat kepada golongan OKU; dan,
- vii. Memperbanyakkan golongan OKU diberi kuasa di Jepun terutama dalam membuat keputusan dalam politik dan pemilihan pemimpin melalui proses pilihan raya.

Oleh hal demikian, ideanya itu membangunkan *Japan Independent Living (JIL)* kepada golongan ini di Jepun telah menghasilkan lebih 200 lokasi ILC sehingga tahun 2000. Mulai tahun itu, usaha strateginya mendapat perhatian di negara-negara Asia-Pasifik termasuk Australia, Korea Selatan, Singapura, Thailand dan Malaysia. Mengambil contoh *Malaysian Independent Living Association For Disabled (MILAD)* dan *Independent Living & Training Centre (ILTC)* iaitu persatuan atau pertubuhan Orang Kurang Upaya (*Disable People Organisation*) (DPO) dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (*Non-Government Organisation*) (NGO), mereka mengadakan lawatan dan seminar dalam usaha pendedahan bagi memperkenalkan program ini di Malaysia (temu bual dengan Sia Siew Chin pada 19 Julai 2022 di Petaling Jaya dan Francis Siva pada 12 Ogos di Rawang). Di Korea Selatan pula, dalam tahun 1998, *Jengnip Center* dipilih sebagai rakan strategik atau rakan kongsi dalam memperkenalkan konsep program ILC (<https://www.independentliving.org/25years2008nakanishi>).

Program perkhidmatan ILC di Malaysia masih baharu diwujudkan. Pengenalan program perkhidmatan ini bermula pada bulan September 2019 melalui Rancangan Malaysia Ke Sebelas (RMK-11) dari tempoh tahun 2016 hingga tahun 2020 dengan

pengasasan tujuh buah ILC dinyatakan di bawah Strategi B6 iaitu memperkasakan Orang Kurang Upaya (OKU) (<https://www.kosmo.com.my/2020/11/30/ilc-realisasikan-impian-oku/>). Sehingga akhir tahun 2022, tujuh buah ILC telah ditubuhkan dan dua pusat telah dipilih untuk memulakan pengenalan program perkhidmatan ILC iaitu di ILC@PLPP, Bangi dan ILC MILAD, Petaling Jaya (<https://m.facebook.com/myJKMHQ/photos/a.3517969038311200/4551929824915111/>). Program perkhidmatan ILC di Malaysia diperkenalkan bagi memainkan peranan untuk sebuah program khusus kepada golongan OKU yang menawarkan perkhidmatan asas kehidupan berdikari dan sebagai salah satu pelan perancangan memperkasakan OKU di Malaysia (temu bual dengan Lina Razalan dan Pathmanathan Nalasamy pada 18 Julai 2022 di Putrajaya). Seperti yang telah dinyatakan bahawa masih belum ada penulisan yang boleh dibincangkan berkaitan program perkhidmatan ini dari tahun 2019 kecuali melalui laporan akhbar tempatan seperti *Kosmo*, *Berita Harian*, *Utusan Malaysia*, *Harian Metro* dan *the Borneo Post* semasa pengumuman dan pengenalan kepada program perkhidmatan ILC oleh pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). Misalnya, dalam laporan berita *Kosmo!* menyatakan bahawa program perkhidmatan ini dapat menentukan matlamat dan kemahiran kehidupan berdikari golongan OKU (<https://www.kosmo.com.my/2020/11/30/ilc-realisasikan-impian-oku/>). Menerusi akhbar *Kosmo!* lagi, golongan ini mampu bertanggungjawab ke atas diri sendiri dengan memberi peluang menikmati kehidupan seperti orang normal.

Objektif utama penubuhan program perkhidmatan ILC di Malaysia juga turut ditumpukan oleh akhbar arus perdana negara dengan kenyataan bahawa tujuannya adalah untuk membantu komuniti OKU untuk hidup berdikari dalam masyarakat dan menjadi sumber informasi kepada golongan berkenaan memperoleh segala data berkaitan OKU dan perkhidmatan berorientasikan isu ketidakupayaan (<https://www.kosmo.com.my/2020/11/30/ilc-realisasikan-impian-oku/>). Akhbar tempatan menjelaskan lagi yang program perkhidmatan ini akan menjadi 'one stop center' kepada golongan OKU mendapatkan ilmu, kemahiran dan kepercayaan terhadap diri sendiri untuk kembali ke dalam masyarakat. Sebagai tambahan, program perkhidmatan ini dapat mempercepatkan proses pembangunan kepada golongan ini daripada sudut pemerksaan dan pengupayaan dengan penyertaan mereka menerusi program advokasi. Selain itu, program perkhidmatan ini dapat dijadikan pusat sumber informasi dan pembangunan sahiah golongan ini terutama yang isi-isu ketidakupayaan mereka.

Semasa pengenalan program perkhidmatan ILC oleh kerajaan Malaysia, golongan kurang bernasib baik ini perlu membayar kos bantuan perkhidmatan PA sebanyak RM5.00 bagi per/jam program perkhidmatan ini (<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/09/493586/perlu-tujuh-ilc-demi-keperluan-oku>). Kemudiannya pembayaran kos ini diberhentikan dan kos itu ditanggung oleh kerajaan. Oleh itu,

pihak pelaksana program perkhidmatan ILC dan Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya (JPOKU) perlu memberi latihan berterusan dan pendedahan kepada PA (<https://www.theborneopost.com/2019/09/06/malaysia-needs-at-least-seven-independent-living-centres-to-help-the-disabled/>). Mulai tahun 2019, kumpulan pertama mereka yang terdiri daripada 25 orang telah menjadi perintis kepada pengenalan program perkhidmatan ILC di Malaysia serta menyedarkan masyarakat bahawa pentingnya keperluan PA bagi menjayakannya. Sebagai saguhati dalam perkhidmatan mereka, diperuntukkan sejumlah RM20.00 bagi setiap jam perkhidmatan yang diberikan (<https://www.theborneopost.com/2019/09/06/malaysia-needs-at-least-seven-independent-living-centres-to-help-the-disabled/>).

Dengan bertujuan memperkasakan diri golongan OKU di Malaysia untuk memulakan kehidupan berdikari, mantan Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Siti Zailah Mohd Yusoff menjelaskan bahawa program perkhidmatan ini menumpukan kepada golongan OKU yang berhasrat memulakan kehidupan secara berdikari yang telah lama berada dalam kongkongan sesebuah institusi atau berada di bawah jagaan ahli keluarga. Program perkhidmatan yang dikhaskan kepada mereka ini terbuka di tempat tinggal berdekatan dengan lokasi ILC serta golongan OKU yang mengalami kecacatan tahap teruk. Menerusi maklumat daripada beliau juga memaklumkan bahawa sehingga bulan Ogos tahun diperkenalkan, kira-kira 1,004 golongan OKU telah menggunakan program perkhidmatan ILC di negara ini (*HarakahDaily*, 8 September 2020).

Kerajaan negeri Selangor turut memperkenalkan program perkhidmatan ini kepada golongan OKU di negeri itu. Kerajaan negeri itu menyediakan peruntukan kewangan dalam belanjawannya sehingga RM1,000,000.00 bagi tujuan penubuhan program perkhidmatan ILC Selangor tetapi lebih menumpukan bantuan kepada golongan OKU dalam usaha mempertingkatkan kemahiran mereka dalam bidang vokasional sahaja (<https://selangortv.my/tag/pusat-kehidupan-berdikari-ilc/>). Harapan kerajaan negeri Selangor dengan pengasasan program perkhidmatan ILC di peringkat negeri itu adalah bagi mencapai tahap kehidupan lebih baik selepas selesai alam pengajian di sekolah menengah. Konsep program perkhidmatan ILC Selangor adalah menyediakan modul dan latihan dalam bidang vokasional kepada golongan OKU berpandukan program pendidikan khas. Ia bermatlamat untuk tidak meminggirkan golongan OKU atau tercicir disebabkan terdapat dalam kalangan mereka mempunyai kemahiran tertentu atau istimewa yang boleh diangkatkan bagi mencapai taraf kehidupan yang setanding dengan orang normal (<https://selangorkini.my/2022/03/pusat-latihan-kemahiran-bantu-remaja-oku-berdikari/>).

Daripada penjelasan ini membuktikan bahawa pengasasan program perkhidmatan ini di Selangor berlainan dengan keobjektifan dan aktiviti program perkhidmatan

ILC yang diperkenalkan di peringkat pusat yang melibatkan program perkhidmatan di lokasi dijadikan 'one stop center' dan bantuan perkhidmatan PA.

Bagi menjayakan program perkhidmatan ini, KPWKM memperkenalkan sebuah buku panduan perkhidmatan berbentuk modul khusus iaitu *Buku Panduan Program Kehidupan Berdikari Untuk OKU* yang diambil konsep program perkhidmatan ILC dari organisasi ILC negara Jepun, *Human Care Association* bagi memandu program perkhidmatan ILC Malaysia serta membantu golongan OKU untuk memulakan program kehidupan berdikari di negara ini. Menerusi modul yang diperkenalkan itu, kerajaan Malaysia berhasrat memulakan program perkhidmatan ILC mengikut 'cara tersendiri' berlandaskan kepada 'kesesuaian dan persekitaran' Malaysia. Menerusi *Buku Panduan Program Kehidupan Berdikari Untuk OKU* (2019: 3), menjelaskan bahawa:

“...dengan andaian bahawa tanggungjawab pengendali kelas, orang yang berperanan sebagai penasihat adalah sahabat sesama golongan OKU (disebut kaunselor sebaya di sini). Seterusnya, penyediaan kemudahan atau tempat pengendalian dibuat oleh kumpulan yang dibentuk sesama beberapa orang kenalan yang inginkan kehidupan berdikari dalam sesuatu kawasan”

Menurut *Buku Panduan Program Kehidupan Berdikari Untuk OKU* lagi, program perkhidmatan ILC di Malaysia mempunyai keistimewaannya tersendiri kepada golongan OKU tempatan. Keistimewaan program perkhidmatan ini dipetik daripada kenyataan Nakanishi pada tahun 2007 (<https://www.independentliving.org/25years2008nakanishi>) bahawa pengasasan *Human Care Association* di negara mata hari terbit itu meliputi (Buku Panduan Program Kehidupan Berdikari Untuk OKU, 2019: 7-8):

Program perkhidmatan ILC dilakukan oleh golongan OKU sendiri;
Menumpukan perhatian kepada keseluruhan program perkhidmatan ILC termasuk memperoleh kekuatan rohani;
Percubaan merangka secara sistematik dengan teori berasaskan pendirian untuk menempuh kehidupan berdikari (*independent living*);
Hubungan golongan OKU dengan fasilitator dan kaunselor, iaitu Kaunseling Rakan Sebaya (*Peer Counseling*); dan,
Memupuk semangat untuk hidup berdikari melalui persaingan yang sihat dalam kumpulan komuniti OKU.

Oleh itu, pemerolehan sumber penulisan tentang program perkhidmatan ILC di Malaysia ternyata sukar diperolehi kerana program perkhidmatan ini untuk golongan OKU 'masih hijau' diperkenalkan. Sebaliknya, tinjauan literatur yang membincangkan isu-isu golongan OKU mudah didapati terutama tulisan berbentuk

akademik dan rata-ratanya mereka menumpukan kepada hak asasi golongan OKU, kekurangan kemudahan untuk golongan ini di tempat awam dan institut serta isu-isu penjagaan OKU terutama kanak-kanak cacat. Walaupun begitu, penulis Barat lebih menumpukan penulisan mereka dalam isu-isu berkaitan Program Hidup Berdikari (PHB) kepada golongan OKU dalam versi penulisan akademik, sebagai contoh menerusi laman sesawang, <https://journals.sagepub.com/doi/pdf/10.1177/108835769801300406>.

METODOLOGI

Pendekatan kualitatif merupakan metodologi yang digunakan dalam penulisan ini. Melalui pendekatan ini, teknik analisis dokumen adalah kaedah melalui sumber karya yang diulas dan ditulis dalam kalangan penulis lain terutama isu-isu berkaitan golongan OKU. Penelitian awal menunjukkan kebanyakan ulasan literatur yang ditemui hanya menulis karya mereka secara akademik, namun terdapat juga tulisan mengkhususkan bacaan umum terutama pelaksanaan program perkhidmatan ILC di luar negara, terutama di negara Jepun dan Barat. Oleh hal demikian, dalam makalah ini, metodologi penulisan mengaplikasikan kaedah kualitatif dengan bahan-bahan diperolehi daripada perpustakaan dan daripada sumber pautan sesawang. Ringkasnya, pengumpulan data didapati daripada sorotan literatur berkenaan isu-isu golongan OKU di negara ini dan karya-karya bersangkutan paut program perkhidmatan ILC dari luar Malaysia. Penulisan makalah ini juga mengaplikasikan cara temu bual dengan pelaksana program perkhidmatan ILC di Lembah Klang iaitu ILC MILAD dan ILC Rawang serta kaki tangan JPOKU dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang kedua-duanya agensi di bawah KPWKM.

PERBINCANGAN

Objektif Penubuhan ILC Malaysia

Tujuan utama JPOKU dan JKM memperkenalkan program perkhidmatan ILC ialah membuka minda dan memberi peluang kepada golongan OKU memulakan langkah pertama untuk hidup berdikari, menikmati kehidupan seperti orang normal dan menjadi sumber maklumat bermanfaat kepada mereka berkaitan isu-isu OKU negara dan juga di peringkat global (<https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/content&id=cUoyc3VZZTIQcDRDT0NDSG1WN2hIZz09>). Program perkhidmatan ini turut menjadikan ia sebagai '*one stop center*' kepada golongan OKU mendapatkan perkhidmatan yang mereka hendaki dan dapat membangkitkan kepercayaan kepada diri sendiri yang serba kekurangan dalam arah kembali kepada masyarakat (temu bual dengan Norsyahrulseri pada 17 Ogos 2022 di Putrajaya). Kenyataan lebih tepat ialah program perkhidmatan ini dapat membangunkan proses fasiliti kepada golongan OKU daripada perspektif pemeraksanaan dan pengupayaan, sebagai contoh perbincangan sesama mereka melalui salah satu program perkhidmatan ini iaitu aktiviti advokasi.

Asas penubuhan ILC

Menerusi program ini, ia diuruskan dan dilaksanakan oleh pertubuhan-pertubuhan yang ahlinya daripada golongan OKU serta pengawasan dan peruntukan geran kewangan oleh KPWKM melalui agensinya JPOKU dan JKM. Seperti diperjelaskan, program perkhidmatan ILC untuk golongan OKU di Malaysia diperkenalkan bagi memberikan perkhidmatan asas kepada golongan OKU bagi membiasakan mereka dapat hidup berdikari dan mengangkat taraf kehidupan setanding dengan orang normal. Kerajaan Malaysia mengambil inisiatif penubuhan program perkhidmatan ini yang awalnya dikenali sebagai 'Pusat Kehidupan Berdikari bagi keperluan Orang Kurang Upaya' pada tahun 2015 oleh mantan menterinya, Datuk Seri Rohani Abdul Karim. Cadangan Datuk Seri Rohani itu dikemukakan dalam Belanjawan 2016. Menurut beliau:

"...keperluan pusat seperti itu penting sebagai wadah untuk Orang Kurang Upaya memperoleh panduan dan pengetahuan dalam menghadapi dunia sebenar" dan "Kemudahan seperti itu akan membolehkan mereka untuk tidak bergantung pada orang lain dalam menjalani kehidupan seharian mereka"

(<https://www.theborneopost.com/2015/10/21/tujuh-pusat-kehidupan-berdikari-dicadangkan-dalam-bajet-2016-rohani/>)

Oleh itu, pada bulan September 2019, dua pusat pelaksanaan program perkhidmatan ILC di Malaysia dipilih oleh kementerian bagi memulakan pengoperasian. Dua lokasi tersebut ialah untuk beroperasi iaitu di ILC MILAD, Petaling Jaya dan ILC@PLPP, Bangi, kedua-duanya di Selangor. Menurut kenyataan JKM, pengasasan program perkhidmatan untuk golongan OKU ini bertujuan menjadikan lokasi terlibat sebagai 'golongan OKU memperoleh semula kemahiran dan berkeyakinan diri untuk kembali kepada masyarakat' (<https://m.facebook.com/myJKMHQ/photos/a.3517969038311200/4551929824915111/>). Antara syarat dan program yang terkandung menerusi program perkhidmatan ILC ialah meliputi ketujuh-tujuh kategori OKU dan program-programnya adalah Kaunseling Rakan Sebaya, Program Hidup Berdikari, PA dan Perkhidmatan Sokongan, Informasi dan Advokasi (<https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/content&id=cUoyc3VZZTlQcDRDT0NDSG1WN2hIZz09>). Sehingga tahun 2023, lokasi program perkhidmatan ini dilaksanakan di tujuh '*one stop center*' di seluruh negara, yang meliputi:

- i ILC@PLPP di Bangi
- ii ILC MILAD di Petaling Jaya
- iii ILC Rawang di Rawang
- iv ILC Cheshire Sabah
- v LC SSCIA di Sibu
- vi ILC PERMAI di Sintok
- vii ILC Sindrom Down Johor di Iskandar Puteri.

Pelaksana program perkhidmatan ini diuruskan oleh Pertubuhan Peduli OKU Selangor (SDC); Pertubuhan *Malaysian Independent Living Association for Disabled* (MILAD); Pertubuhan *Independent Living & Training Centre* (ILTC), Selangor; Persatuan Rumah dan Perkhidmatan Cheshire, Sabah; Pertubuhan *Sibu Spinal Cord Injury Association*, Sarawak; Pertubuhan Mahasiswa Istimewa (PERMAI), Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, Kedah; dan, Persatuan Sindrom Down Negeri Johor. Berlainan dengan pusat perkhidmatan ILC lain, ILC PERMAI di UUM merupakan satu-satunya program perkhidmatan ILC di peringkat universiti awam.

Konsep program perkhidmatan ILC

Konsep, falsafah dan prinsip program perkhidmatan ILC di Malaysia perlu merujuk tujuan asas pengenalan program perkhidmatan ILC, iaitu sebuah program perkhidmatan yang menawarkan perkhidmatan asas untuk memperkasakan pembangunan golongan OKU dan melatih minda mereka dalam membuat keputusan sendiri (Garis Panduan Penubuhan dan Pengurusan *Independent Living Centre* (ILC), 2019). Tumpuan kepada aspek-aspek penentuan matlamat berdikari dan kemahiran kehidupan berdikari, golongan OKU perlu bertanggungjawab sepenuhnya ke atas diri sendiri dan memperkasakan mereka sebagai individu OKU dalam masyarakat. Program perkhidmatan ILC di Malaysia diberi peluang kepada semua jenis kategori OKU untuk memanfaatkannya terutamanya yang tinggal berhampiran dengan 'one stop center' serta golongan OKU yang mengalami kurang upaya tahap teruk atau *severe impairment* (https://m.facebook.com/story.php?story_fbid=485788692595221&id=100034922824300&sfnsn=mo). Dengan bermatlamatkan kepada golongan OKU yang berhasrat untuk memulakan kehidupan berdikari serta telah lama 'hidup' dalam sesebuah institusi kekeluargaan atau di bawah jagaan ahli keluarga mereka.

Di Malaysia, program perkhidmatan diasaskan berlandas kepada RMK-11 dengan pengasasan tujuh buah program perkhidmatan ILC seperti dinyatakan di bawah Strategi B6, Memperkasa Orang Kurang Upaya (OKU) (Pelan Pelaksanaan Dasar Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas 2016-2020; *Berita Harian*, 2018, 18 Oktober). Setakat tahun 2020 hingga awal tahun 2023, sebanyak tujuh buah 'one stop center' ILC didirikan dengan dua buah ILC telah beroperasi pada 2019; iaitu ILC MILAD di Seksyen 22, Petaling Jaya, Selangor dan ILC@PLPP di Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan Bangi, Selangor; serta lima buah program perkhidmatan ILC lagi ditubuhkan pada September 2020 iaitu: ILC Rawang, ILC Cheshire Sabah, ILC SSCIA di Sibu, Sarawak, ILC PERMAI di Sintok, Kedah, dan LC Sindrom Down Johor, Iskandar Puteri, Johor.

Pengenalan awalnya dalam bulan September 2019, golongan OKU yang kecacatan tahap teruknya atau *severe impairment* diberi keutamaan memanfaatkan program

perkhidmatan ILC agar hasrat mereka ingin memulakan kehidupan berdikari yang telah lama berada di bawah jagaan ahli keluarga dapat direalisasikan. Perkhidmatan yang terkandung dalam program perkhidmatan ILC Malaysia ialah (Garis Panduan Penubuhan dan Pengurusan *Independent Living Centre* (ILC), 2019):

- i Kaunseling Rakan Sebaya;
- ii Program Hidup Berdikari;
- iii Pembantu Peribadi; dan,
- iv Perkhidmatan Sokongan, Informasi dan Advokasi.

Oleh itu, '*one stop center*' ILC yang diwujudkan di beberapa lokasi tertentu amat bermanfaat kepada golongan OKU mendapatkan informasi mengenai perkhidmatan bantuan, peluang pekerjaan, pemahaman Akta Orang Kurang Upaya 2008 / Akta 685 dan dasar-dasar kerajaan yang berkaitan dengan mereka serta khidmat nasihat untuk berurusan dengan agensi kerajaan terutama JPOKU dan JKM.

Aktiviti program perkhidmatan ILC

Berpegang dengan falsafahnya iaitu memahami falsafah 'hidup berdikari', ia menjadi matlamat utama kewujudan program perkhidmatan ILC di negara ini. Melalui asas falsafahnya yang tersendiri, iaitu 'hidup berdikari', program perkhidmatan ini menetapkan bahawa kecacatan individu OKU harus dilakukan melalui cara holistik. Berasaskan kepada hal ini, JPOKU dan JKM telah membangunkan sebuah modul dan model 'Hidup Berdikari' yang digunakan oleh pelaksana program perkhidmatan ILC di Malaysia (temu bual dengan Faiz Suhaimi pada 20 Julai 2022 dan Noor Muha pada 2 Ogos). Mereka berpandukan kepada keperluan asas seperti berikut, iaitu (<https://www.miladmalaysia.org/>):

- i *maklumat*: untuk mengetahui pilihan seseorang;
- ii *galakan sokongan*: kaunseling rakan sebaya dan bimbingan daripada sesama golongan OKU lain;
- iii *pembantu peribadi*: bantuan individu, iaitu PA dalam membantu aktiviti harian golongan OKU;
- iv *peralatan*: bantuan teknikal untuk mengurangkan pergantungan daripada orang lain;
- v *perumahan*: lokasi tempat tinggal yang sesuai untuk didiami;
- vi *pengangkutan*: untuk pergerakan ke lokasi yang dihendaki;
- vii *akses*: persekitaran untuk pergi ke lokasi yang dilakukan sendiri seperti orang normal;

- viii *advokasi*: untuk mendapatkan sokongan masyarakat tentang objektif dan keperluan golongan OKU; dan,
- ix *kesedaran*: untuk mengubah perspektif masyarakat terhadap golongan OKU.

Antara perkhidmatan dan aktiviti sosial yang dilaksanakan menerusi program perkhidmatan ini ialah kaunseling rakan sebaya, program latihan kemahiran hidup berdikari, sumber maklumat dan rujukan, perkhidmatan bantuan PA untuk golongan OKU, penasihat dalam bentuk advokasi dan kesedaran, akses audit dan perundingan untuk persekitaran tanpa halangan, latihan kesaksamaan golongan OKU, pusat kerja, rumah komuniti dan pengangkutan khusus kepada golongan OKU (Garis Panduan Penubuhan dan Pengurusan *Independent Living Centre* (ILC), 2019).

Bermula pada tahun 2019, Malaysia menghadapi penyebaran penyakit berjangkit iaitu COVID-19. Oleh itu, negara ini telah melaksanakan polisi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), kesan dari penularan pandemik penyakit tersebut. Akibatnya, kesemua aktiviti di 'one stop center' ILC seluruh negara tertangguh dan ianya tidak dapat beroperasi hampir dua tahun. Pelaksana perkhidmatan ILC telah mengambil langkah lebih efektif sebagai gantinya. Mereka menggunakan pendekatan lebih holistik dalam mengaktifkan aktiviti kaunseling rakan sebaya dan aktiviti sosial lain secara atas talian kepada golongan OKU (Garis Panduan Pencegahan dan Kawalan Jangkitan COVID-19 Bagi Orang Kurang Upaya di *Independent Living Centre* (ILC), 2019).

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN PROGRAM PERKHIDMATAN ILC

Sebagai permulaan program perkhidmatan ILC, pihak JPOKU dan JKM berkehendakkan beberapa DPO dan NGO OKU yang dipilih untuk melaksanakannya perlu memenuhi keperluan program perkhidmatan ini. DPO dan NGO OKU diwajibkan mewakili kepentingan golongan OKU sepenuhnya. Berlandaskan tujuan pengasasan program perkhidmatan ILC di Malaysia kepada golongan OKU iaitu mengekalkan persekitaran sosial yang kondusif kepada mereka, program perkhidmatan ILC berhasrat membangunkan persekitaran dan pembangunan fasiliti, di samping menyeru penyertaan golongan OKU secara inklusif dalam aktiviti sosial dengan harapan masyarakat tidak meminggirkan mereka untuk hidup lebih selesa. Salah satu aktiviti yang terkandung dalam program perkhidmatan ILC ialah perkhidmatan PA bagi menyokong keterlibatan golongan OKU menjalankan aktiviti sosial seperti membantu pergerakan mereka ke pusat kewangan, menerima rawatan kesihatan dan pusat membeli belah. Perkhidmatan PA dapat menyediakan sumber manusia

terlatih yang memberi perkhidmatan secara '*face to face*' kepada golongan ini, dapat berkongsi pengalaman dan bersimpati di atas tanggung jawab yang dilaksanakan. PA juga merasai beban golongan OKU dalam menjalani kehidupan sebagai orang cacat. Perkhidmatan mereka perlu dipertingkatkan lagi terutama peranan, kefungsiian dan bantuan mereka menerusi program perkhidmatan ILC agar kualiti perkhidmatan mereka memberi impak yang positif. PA seharusnya didedahkan konsep, fungsi dan falsafah program perkhidmatan ILC secara mendalam dan dari semasa ke semasa diberi latihan intensif oleh JPOKU serta DPO dan NGO OKU yang mengendalikan program perkhidmatan ini.

Golongan OKU di Malaysia perlu mempertahankan hak-hak OKU seperti yang telah termaktub dalam Akta Orang Kurang Upaya 2008. Berkaitan dengan hak-hak kepada golongan OKU, mereka masih memerlukan sokongan dan penglibatan masyarakat Malaysia untuk merasai kenikmatan hidup bebas seperti orang normal. Berdasarkan hal ini, keterlibatan sukarelawan dalam program perkhidmatan ILC dan lain-lain usaha untuk membangunkan fasiliti OKU akan dapat membantu dan merealisasikan keperluan mereka dari segi fizikal, mental dan sifat dalaman orang cacat. Oleh itu, keterlibatan pihak kerajaan dan bukan kerajaan terutama sektor swasta masih belum sensitif dalam hal berkaitan mereka. Mengambil contoh penglibatan sektor swasta, mereka dapat menjalin dan memperkukuhkan rangkaian kerjasama multisektor dan multidisiplin dengan golongan OKU. Sikap kepedulian pihak sektor swasta berkeyakinan penuh dapat menunaikan tanggungjawab sosial korporat kepada golongan ini.

Seperti kajian sosial yang lain, penyelidikan berkenaan isu-isu golongan OKU perlu juga dititikberatkan. Kegiatan penyelidikan dan pembangunan (R&D) menggalakkan minat mengkaji perihal berkaitan OKU negara dan hasilnya adalah untuk tindakan penambahbaikan perlulah dan menjadi bahan rujukan kepada pihak bertanggungjawab dala usaha memperkasakan serta membangunkan fasiliti golongan. Hal ini bermaksud golongan OKU di negara ini masih memerlukan kegiatan R&D dalam mengkaji dan menghasilkan sebuah model baharu untuk diaplikasikan dalam kehidupan mereka. Secara tidak langsung dijadikan penanda aras untuk mereka lebih membangun setaraf dengan orang normal. Hasil penyelidikan akan dinilai dan ditambah baik terutama program-program yang dikhususkan kepada golongan OKU.

KESIMPULAN

Keseluruhannya, makalah ini telah memperkenalkan sebuah program baharu yang khusus kepada golongan OKU di Malaysia iaitu program perkhidmatan ILC. Isu-isu berkaitan pelaksanaan keberkesanan program perkhidmatan ILC yang diperkenalkan dalam tahun 2019 akan ditambahbaik dalam usaha memperkasakan lagi golongan OKU negara. Hasil kajian dilakukan menunjukkan bahawa isu utama dan perlu diberi perhatian ialah pelaksana program perkhidmatan ILC itu sendiri masih tidak memahami objektif, falsafah dan prinsip kehidupan berdikari kepada golongan ini. Seterusnya, ialah masalah urus tadbir kewangan dan pentadbiran dengan cekap yang perlu dititikberatkan oleh agensi kerajaan terbabit. Di pihak agensi kerajaan itu juga perlu memahami dan mahir berkaitan falsafah, konsep dan prinsip yang terkandung dalam kehidupan berdikari kepada golongan ini. Walaupun berkehendakkan pelaksanaan program perkhidmatan ILC mengikut acuan dan budaya Malaysia tetapi keobjektifannya tidak tercapai matlamat penubuhan program ini. Perbincangan lebih telus antara dua pihak iaitu pemantau (JPOKU dan JKM) dan pelaksana (daripada pihak OKU) perlu berlangsung dengan bijaksana dan diplomasi supaya persetujuan dalam sesuatu isu yang berlaku kecelaruan dapat ditelitikan dan dilaksanakan dengan sempurna dan berkesan. Perbincangan antara dua pihak tersebut mampu menjadi petunjuk penting kepada kerajaan bagi memahami pandangan golongan OKU sebagai inisiatif bersama-sama membangunkan sosioekonomi golongan kurang bernasib baik ini. Hal ini dapat mengikis pandangan negatif bahawa golongan OKU adalah seperti 'peminta sedekah' berdasarkan bayaran elaun-elaun bulanan OKU yang diperolehi.

PENGHARGAAN

Penulis, Dr. Mohamad Muzammil Mohamad Noor memberi penghargaan kepada Institut Sosial Malaysia dan Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sejumlah peruntukkan geran penyelidikan di atas tajuk kajian, 'Penilaian Semula Keberkesanan Pusat Kehidupan Berdikari (*Independent Living Centre*) Orang Kurang Upaya (OKU) di Lembah Klang dan penerbitan makalah ini serta tidak dilupakan juga ucapan terima kasih penyelidik kepada para responden yang terlibat di dalam penyelidikan ini.

RUJUKAN

- Berita Harian*. (2018, 18 Oktober). Teks ucapan penuh Kajian Separuh Penggal RMK-11 2016-2020. Diperoleh dari, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/10/487719/teks-ucapan-penuh-kajian-separuh-penggal-rmk-11-2016-2020> (akses 12 Mei 2022).
- Buku Panduan Program Kehidupan Berdikari Untuk OKU*. Edisi Kedua. (2019). Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.
- Broderick, A. & Ferri, D. (2019). *International and European Disability Law & Policy: Text, Cases and Materials*. Cambridge University Press.
- Disabled World. (2019). *What is disability?* Diperoleh daripada, <https://www.disabled-world.com> (akses 24 Ogos 2022).
- Garis Panduan Pencegahan dan Kawalan Jangkitan COVID-19 Bagi Orang Kurang Upaya di *Independent Living Centre* (ILC). (2019). Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.
- Garis Panduan Penubuhan dan Pengurusan *Independent Living Centre* (ILC). (2019). Jabatan Pembangunan Orang Upaya, Jabatan Kebajikan Masyarakat.
- HarakahDaily*. (2020, 8 September). Sasar OKU ingin memulakan kehidupan berdikari.
- Harian Metro*. (2019, 5 September). Perlu tujuh ILC demi keperluan OKU. Diperoleh daripada, <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/09/493586/perlu-tujuh-ilc-demi-keperluan-oku> (akses 7 Julai 2022).
- <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/06/578366/dua-independent-living-centre-ditubuh-perkasa-oku> (akses 21 April 2022).
- <https://journals.sagepub.com/doi/pdf/10.1177/108835769801300406> (akses 01 Jun 2022).
- <http://www.humancare1986.jp/english.html> (akses 01 Jun 2022).
- <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/09/493586/perlu-tujuh-ilc-demi-keperluan-oku> (akses 01 Jun 2022).
- <https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/content&id=cUoyc3VZZTIQcDRDT0NDSG1WN2hIZz09> (akses 01 Jun 2022).
- <http://iltcmalaysia.blogspot.com/> (akses 24 April 2022).

<https://www.independentliving.org/25years2008nakanishi> (akses 21 Ogos 2022).

<https://www.kosmo.com.my/2020/11/30/ilc-realisasikan-impian-oku/> (akses 01 Jun 2022).

https://m.facebook.com/story.php?story_fbid=485788692595221&id=100034922824300&sfnsn=mo (akses 01 Jun 2022).

<https://www.miladmalaysia.org/> (akses 12 Jun 2022). (akses 01 Jun 2022).

<https://selangorkini.my/2022/03/pusat-latihan-kemahiran-bantu-remaja-oku-berdikari/> (akses 01 Jun 2022).

<https://selangortv.my/tag/pusat-kehidupan-berdikari-ilc/> (akses 01 Jun 2022).

<https://www.theborneopost.com/2019/09/06/malaysia-needs-at-least-seven-independent-living-centres-to-help-the-disabled/> (akses 01 Jun 2022).

<https://www.theborneopost.com/2015/10/21/tujuh-pusat-kehidupan-berdikari-dicadangkan-dalam-bajet-2016-rohani/> (akses 01 Jun 2022).

Ikmal, H. M. T. & Khairil, A. (2018). Konsep Hak Asasi Manusia Bagi Orang Kurang Upaya Di Malaysia: Suatu Analisis. *Jurnal Kanun*, 30(1), 109-136.

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Diperoleh dari, <https://m.facebook.com/myJKMHQ/photos/a.3517969038311200/4551929824915111/> (akses 01 Jun 2022).

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). *Kategori Orang Kurang Upaya*. Diperoleh dari, <https://www.mywilayah.com/2021/09/tujuh-kategori-orang-kurang-upaya-oku.html> (akses 01 Jun 2022).

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). *Statistik Pendaftaran OKU Mengikut Negeri dan Kategori Sehingga Ogos 2022*. Diperoleh dari, <https://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/JPOKU/Statistik%20Pendaftaran%20OKU%20Sehingga%2031%20Ogos%202022.pdf> (akses 23 September 2022).

Jones, M.L. (1986). Independent living: A survey of program and service needs. *Rehabilitation Counseling Bulletin*, 29(4), 278-283. Diperoleh dari, <https://journals.sagepub.com/doi/pdf/10.1177/108835769801300406>. (akses 12 September 2022).

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. (2018, 17 Disember). *Pelan Pelaksanaan Dasar Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas 2016-2020: Keutamaan dan Penekanan Baharu*. Putrajaya.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. (2007). *Dasar dan Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya*. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Pelan Strategik Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat 2021-2025. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Laporan Kewangan. (2022). *Agihan Peruntukan, 2019-2021*. Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya (JPOKU), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

M'sia needs at least seven independent living centres to help the disabled. (2019, 6 September). <https://www.malaysiakini.com/news/490819> (akses 6 Julai 2022).

Mathews, M.R. (1990). Independent living as a life-long community service. *Journal of Head Trauma Rehabilitation*, 5(1): 23-30. Diperoleh dari, <https://journals.sagepub.com/doi/pdf/10.1177/108835769801300406>. (akses 12 September 2022).

Melvin, P. & DiPeppe, R. (1996). Independent living philosophy: A community reintegration approach. Management of the patient with SCI. *Conference bulletin*. Norfolk, VA: Endependence Center. Diperoleh dari, <https://journals.sagepub.com/doi/pdf/10.1177/108835769801300406>. (akses 12 September 2022).

Mohamad Muzammil Mohamad Noor. (2011). "Kekurangan Upaya Bukan Penghalang". *Titian Alumni*. Majalah Alumni Universiti Malaya.

Artikel "Akhbar Berita Harian Online (2014-2020) sebagai media mengemukakan isu-isu Orang Kurang Upaya". (belum diterbitkan).

"Aku Anak Jati Aloq Staq: Catatan Memori Zaman Remaja Oku". Dlm. Ishak Saat & Mohd. Kasri Sardon. *Alor Setar Dalam Warna Kemeriahan Silam* [hlm. 216-221]. Muzium Negeri Kedah Darulaman.

"Disabilities and Challenges in University of Malaya, 2006-2010: Muzammil's experience as a Ph.D. candidate". *Majalah Alumni Universiti Malaya*.

Nosek, A.N. Zhu, Y., & Howard, C.A. (1992). The evolution of independent living programs. *Rehabilitation Counseling Bulletin*, 35(3), 175-189. Diperoleh dari, <https://journals.sagepub.com/doi/pdf/10.1177/108835769801300406>. (akses 12 September 2022).

- Oliver, M., & Barnes, C. (2012). *The new politics of disablement*. Macmillan International Higher Education.
- Shakespeare, T. (2018). *Disability: The Basics*. Oxford: Routledge.
- Surat, Malaysia Independent Living Association for Disable (MILAD) kepada Jabatan Pembangunan Orang Upaya, Jabatan Kebajikan Masyarakat. (Tiada dinyatakan tarikh). Report of ILC Project for the Period of September 1, 2019-August 31, 2020.
- Temu bual, Francis Siva, 12 Ogos 2022, ILC Rawang, Selangor.
- Temu bual, Lina Mohamad Razalan, 18 Julai 2022 dan 17 Ogos 2022, Jabatan Pembangunan Orang Upaya, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Putrajaya.
- Temu bual, Mohd. Faiz Shuhaimi, 20 Julai 2022 dan 16 Ogos 2022, ILC@PLPP Bangi, Selangor.
- Temu bual, Noor Muha Aziz, melalui aplikasi *whatsapp*, 2 Ogos 2022 dan 3 September 2022.
- Temu bual, Norsyahrulseri binti Mansor, 17 Ogos 2022, Jabatan Pembangunan Orang Upaya, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Putrajaya.
- Temu bual, Pathmanathan Nalasamy, Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa, Malaysia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Putrajaya, aplikasi *whatsapp* pada 12 September 2022.
- Temu bual, Sia Siew Chin, 19 Julai 2022, MILAD Petaling Jaya, Selangor.
- Terma Rujukan: Penyaluran geran kepada pertubuhan yang melaksanakan Program Independent Living Centre (ILC)*. (Tidak dinyatakan tahun). Jabatan Pembangunan OKU, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).
- Textbook, *Personal Assistant Training Workshop*. (2019, 22-23 May). Tokyo, Japan: Human Care Association.
- TOT Workshop on ILC Management & Establishment of PA Service System*. (Tidak dinyatakan tahun). Malaysia Independent Living Association for Disable (MILAD), Jabatan Pembangunan OKU, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).
- Undang-undang Malaysia, *Akta 685 (Akta Orang Kurang Upaya)*. (2014, 1 Julai).

Undang-undang Malaysia (Laws of Malaysia). (2008). *Akta 685 (Akta Orang Kurang Upaya 2008)*. Diperoleh dari, <http://www.agc.gov.my/agcportal/uploads/files/Publications/LOM/MY/Akta%20685%0%20Akta%20Orang%20Kurang%20Upaya%202008.pdf> (akses, 25 Jun 2022).

Wilson, Kristie E. (1998, 1 November). *Centers for Independent Living in Support of Transition*. Diperoleh dari <https://journals.sagepub.com/doi/pdf/10.1177/108835769801300406> (akses 12 September 2022).